

NO. SOALAN: ...<sup>22</sup>

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
(2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA]**

**TARIKH : 31 MAC 2014 (ISNIN)**

**SOALAN:**

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk membanteras pengembangan ajaran salah dan sesat yang cuba mengelirukan dan mempengaruhi umat Islam.

**JAWAPAN : (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah melaksanakan beberapa langkah bagi mengawal akidah ummah daripada penyelewengan yang berkembang dalam negara, iaitu:

- i) menjalankan kajian dan penyelidikan berkaitan isu-isu akidah di dalam dan luar negara merangkumi aspek ajaran sesat berkaitan pemikiran, amalan kebatilan, perbomohan, amalan tariqat dan lain-lain;
- ii) mengadakan kerjasama pintar dengan agensi berkaitan bagi mengadakan pemantauan perkembangan dan pergerakan ajaran sesat;
- iii) memfatwakan mana-mana ajaran yang disahkan menyeleweng atau bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- iv) meningkatkan kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan melalui jawatankuasa sedia ada antaranya Jawatankuasa Pemandu Ajaran Sesat (JAPAS), Jawatankuasa Penyelaras Penyelidikan Islam Kebangsaan (JAPPIS), Panel Pakar Akidah (PPA) dan juga Mesyuarat Khas Isu-Isu Semasa Akidah (*Taskforce*) bagi menangani ajaran sesat;
- v) mengadakan majlis penjelasan akidah kepada pelbagai lapisan masyarakat berkenaan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan ancaman ajaran sesat; dan
- vi) mewujudkan sistem pangkalan data berkaitan ajaran sesat.

Sekian, terima kasih.